

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO  
(KLANG)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kaedah-kaedah dan SOP Kementerian yang diguna pakai untuk menentukan taraf kewarganegaraan :-

- a. Kanak-kanak yang telah diambil sebagai anak angkat; dan
- b. Kanak-kanak yang lahir di Malaysia di mana salah seorang ibu atau bapa adalah warganegara Malaysia atau MyPR (permastautin tetap) dan kanak-kanak terabai yang memiliki sijil kelahiran bukan warganegara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Dalam kes anak angkat kepada warganegara Malaysia, pengangkatan tidak membawa maksud pemerolehan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Walau bagaimanapun, ibu bapa angkat boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan bagi pihak anak angkatnya jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan dan perundangan yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan, pendaftaran kelahiran, pengangkatan yang sah serta lain-lain perundangan berkuatkuasa.
- b. Selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa, setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia perlu didaftarkan di Jabatan Pendaftaran

Negara (JPN). Bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini, maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya, selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Bagi ibu bapa yang berkahwin dan mendaftarkan perkahwinan mereka sebelum kanak-kanak dilahirkan, penentuan taraf kewarganegaraan kanak-kanak berkenaan adalah di bawah Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan individu yang dilahirkan di Persekutuan dengan salah seorang ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia atau bermastautin secara tetap di Persekutuan (memegang kad pengenalan Pemastautin Tetap, MyPR), layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuat kuasa undang-undang, tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti kesahatarafan anak, pendaftaran perkahwinan, dan lain-lain.

Manakala, berhubung isu bayi yang dijumpai atau terabai yang memiliki Sijil Kelahiran bertaraf 'Bukan Warganegara', penjaga kepada kanak-kanak berkenaan boleh merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan hak penjagaan kanak-kanak berkenaan. Seterusnya, penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan untuk kanak-kanak berkenaan sebelum kanak-kanak berkenaan berumur 21 tahun.